











# LAPORAN PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2020/2021

# LAPORAN
# PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA
# 2020/2021

# Kandungan


**04** Perutusan Presiden Perbadanan Putrajaya

**06** Kata-kata Aluan Naib Presiden Perbadanan Putrajaya

**10** Latar Belakang Program Bandar Selamat

**15** Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Jalan Raya

Pelaporan : IPD Putrajaya ...*18*

Pelaporan : Bahagian Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya ...*38*




43
**Reka Bentuk Persekitaran Bandar dan Perancangan**

Pelaporan :
Urus Setia Bandar Selamat Putrajaya ...*46*

Pelaporan :
Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya ...*68*

73
**Pencegahan Gejala Sosial dan Pendidikan Kesedaran Awam**

Jabatan Imigresen Malaysia ...*76*

Agensi Antidadah Kebangsaan Putrajaya ...*78*

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional WP Putrajaya ...*86*

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) ...*94*

Majlis Keselamatan Negara WP Kuala Lumpur ...*102*

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ...*106*

Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur (KLCPPA) ...*118*

Majlis Perwakilan Penduduk WP Putrajaya (MPPWP) ...*126*

131
**Kesihatan**

Pejabat Kesihatan WP Putrajaya ...*134*





## PERUTUSAN
## PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah inayahnya pelaksanaan Program Bandar Selamat Putrajaya telah dapat dilaksanakan sejak tahun 2010. Isu keselamatan merupakan agenda negara yang sangat penting dan turut diberi penekanan dalam semua perancangan dan pengurusan bandar di Malaysia. Jenayah bukan hanya memberi impak buruk kepada masyarakat malah ianya boleh menjejaskan ekonomi negara. Mesyuarat Jemaah Menteri Malaysia pada 28 Januari 2004 telah mencadangkan supaya diwujudkan bandar dan pekan yang selamat sebagai langkah mencegah jenayah. Selaras dengan matlamat tersebut, Program Bandar Selamat telah diwujudkan di semua Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia.

Usaha memerangi jenayah khususnya di Putrajaya bukan hanya terletak di atas bahu Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berkepentingan termasuklah Perbadanan Putrajaya. Jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya mensasarkan penglibatan pelbagai pihak membentuk satu pasukan yang komprehensif bagi memerangi jenayah dalam pelbagai sudut ke arah itu. Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya pada pertengahan tahun 2010 yang kini dianggotai oleh 29 ahli mewakili pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Berdasarkan statistik jenayah di Putrajaya untuk tahun 2020-2021, kadar jenayah indeks telah menurun sebanyak 30.5%. Kes denggi juga menurun sebanyak 84%. Pelbagai usaha lagi perlu dibuat secara berterusan untuk Program Bandar Selamat. Saya juga berharap projek fizikal dan program kesedaran Bandar Selamat Putrajaya juga diperbanyakkan. Ini termasuklah menambahbaik kemudahan keselamatan di tempat awam melalui penambahan jumlah CCTV dan *Panic Button*. Perbadanan mensasarkan sejumlah 1000 unit CCTV dan 150 unit *panic button* di sekitar kawasan tumpuan awam di Putrajaya menjelang tahun 2025 dan dapat dihubungkan dengan *Putrajaya Command Centre.*

Melalui penggunaan platform pemantauan yang lebih berkesan seperti sistem aplikasi *"Geography Information System" (GIS),* maklumat seperti analisis lokasi *hotspot* jenayah, analisis corak jenayah dan laporan statistik jenayah akan dapat membantu PDRM merancang strategi pencegahan jenayah dengan lebih mudah dan berkesan. Sistem aplikasi GIS juga bukan sahaja boleh menyimpan maklumat dalam bentuk maya tetapi juga mampu memaparkan analisis dan statistik yang jelas dan tepat.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan program Bandar Selamat Putrajaya sepanjang tempoh ini. Adalah menjadi harapan agar pelaksanaan program Bandar Selamat ini dapat dipertingkatkan lagi dengan pelbagai inisiatif dan inovasi untuk kepentingan warga Putrajaya seluruhnya pada masa kini dan akan datang.

Sekian, Wassalam.

**DATO' TPr. FADLUN MAK UJUD**

# Kata-Kata Aluan




## KATA-KATA ALUAN
## NAIB PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dapat menerbitkan Laporan Program Bandar Selamat Putrajaya 2020/2021.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua rakan-rakan strategik *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya yang telah memberi sokongan dan kerjasama yang baik dalam menjayakan program-program Bandar Selamat Putrajaya selama ini.

Program Bandar Selamat bermula dengan arahan Jemaah Menteri pada 28 Januari 2004 yang mencadangkan suatu inisiatif bagi menjamin keselamatan dan mewujudkan persekitaran sebuah bandar dan pekan yang selamat dan bebas dari ancaman jenayah di Malaysia. Pada Oktober 2004 Majlis Negara untuk Kerajaan Tempatan (MNKT) telah mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara untuk mewujudkan Program Bandar Selamat.

Bandar Selamat boleh didefinisikan sebagai sebuah bandar yang bebas dari ancaman atau gangguan dari segi fizikal, sosial dan mental. Penduduknya yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, taraf sosial dan ekonomi hidup dalam sebuah persekitaran yang selamat dan harmoni.

Pada tahun 2009, pihak kerajaan melalui 7 *National Key Results Area* (NKRA) di dalam Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme-GTP) telah menetapkan Program Bandar Selamat di dalam NKRA Mengurangkan Jenayah yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri. Program Bandar Selamat juga adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang ke 11 iaitu "Menjadikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan".

Program Bandar Selamat Putrajaya telah mula dilaksanakan sejak Tahun 2010, lanjutan daripada Arahan Kabinet pada 28 Januari 2004 yang mahukan “Bandar Bebas Dari Ancaman Jenayah” dan Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme–GTP, tujuh (7) *National Key Results Areas* (NKRA) pada Tahun 2009 yang telah meletakkan Program Bandar Selamat di dalam NKRA iaitu “Mengurangkan Jenayah” yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri.

Jawatankuasa *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya kini dianggotai oleh 29 agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), dan bersidang setiap dua (2) bulan.

Melalui perlaksanaan pelbagai program dan kerjasama yang erat di antara pelbagai agensi, dapat dilihat kadar jenayah pada tahun 2021 menurun sebanyak 30.5%, kes denggi turut menurun sebanyak 84.0% berbanding dengan Tahun 2020.

Saya mengucapkan syabas kepada semua ahli *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya yang terus komited dengan pelaksanaan program-program Bandar Selamat walaupun kita berada dalam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020-2021. Diharapkan segala usaha yang berterusan ini akan memberi manfaat kepada warga Putrajaya dan mampu meletakkan Putrajaya sebagai bandar paling selamat di Malaysia. Insya-Allah.

Akhir kata, setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Bandar Selamat Putrajaya. Tidak lupa juga kepada semua rakan strategik yang terlibat memberi sumbangan dan komitmen kepada usaha ini.

Sekian, Terima Kasih.

**SHAMSUL BAHRIN RAHMAT**



# LATAR BELAKANG PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



# Latar Belakang Bandar Selamat Putrajaya

**Tahun 2009**: Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme - GTP, tujuh (7) *National Key Result Areas* (NKRA) telah meletakkan **Program Bandar Selamat** di dalam **NKRA Mengurangkan Jenayah** yang diterajui oleh KDN. **PLANMalaysia** bertidak sebagai **urusetia PBS.**

PLANMalaysia SDGs

GOVERNMENT TRANSFORMATION PROGRAMME

## PUNCA KUASA

Arahan Kabinet pada **28 Januari 2004** yang mahukan **"Bandar Bebas Dari Ancaman Jenayah".**



## PROGRAM BANDAR SELAMAT

**Langkah pencegahan jenayah** bagi memastikan kadar jenayah di kawasan bandar dapat dikurangkan dan membolehkan penduduk hidup dalam keadaan yang selesa serta selamat.

## BANDAR SELAMAT

**BANDAR SELAMAT** didefinisikan sebagai bandar yang bebas dari ancaman **Fizikal, Sosial** dan **Mental**.




## SDGs

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang ke 11 iaitu **"Menjadikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan".**



PROGRAM BANDAR SELAMAT

# 3 STRATEGI & 15 LANGKAH

## STRATEGI 1

### Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal



1 Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor




2 Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat




3 Pemetaan GIS Jenayah

## STRATEGI 2

### Memperkasakan Kawasan Sasaran




4 Penyediaan balai polis tetap atau bergerak



5 Penyediaan cermin keselamatan




6 Penyediaan papan tanda peringatan jenayah



7 Penyediaan penggera keselamatan



8 Penyediaan tempat letak motosikal berkunci



9 Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam



10 Pencahayaan



11 Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam



12 Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah dengan jenayah

## STRATEGI 3

### Pengurusan, Penyertaan & Kesedaran Komuniti


Masyarakat perlu beri maklumat atasi jenayah

13 Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti



14 Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan



15 Agenda tetap bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT




## Latar Belakang Pembentukan Jawatankuasa Program Bandar Selamat di Putrajaya

| | |
|---|---|
| Program Bandar Selamat di Malaysia diwujudkan | 2004 |
| Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Bil. 7/ 2008 telah memutuskan supaya Cadangan Kajian Pelaksanaan Bandar Selamat di Putrajaya perlu dijalankan secara dalaman oleh Perbadanan Putrajaya | 4 september 2008 |
| Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Perbadanan Putrajaya untuk melaksanakan inisiatif Program Bandar Selamat di Putrajaya | 25 Januari 2010 |
| Jawantankuasa Bandar Selamat Putrajaya telah dibentuk dan Mesyuarat Jawantankuasa Program Bandar Selamat Dan Focus Group Bandar Selamat Putrajaya Bil.1/2010 dan secara rasminya tertubuhnya Jawatankuasa Program Bandar Selamat Putrajaya. Mesyuarat Jawatankuasa ini akan bersidang 6 kali setahun | 14 Julai 2018 |

# Urus Setia Induk Jawatankuasa Program Bandar Selamat & *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya

AHLI-AHLI Jawatankuasa Program Bandar Selamat dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA

PEJABAT KESIHATAN PUTRAJAYA

01

PERBADANAN PUTRAJAYA

BANDAR SELAMAT

# PENCEGAHAN JENAYAH DAN KESELAMATAN JALAN RAYA



PELAPORAN
PROGRAM BANDAR SELAMAT
PUTRAJAYA

# IPD PUTRAJAYA



# LATIHAN KEBAKARAN BALAI DAN BEREK IPD PUTRAJAYA



## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Sebagai Pendedahan dan Pengetahuan Para Peserta Bagi Menyelamatkan Diri Semasa Kebakaran Atau Kecemasan disamping menjalin hubungan yang erat di antara PDRM dan pihak BOMBA

## OBJEKTIF PROGRAM

- Menambah pengetahuan dan pengalaman kepada murid tadika dan warga IPP Putrajaya kaedah menyelamatkan diri ketika kebakaran/kecemasan
- Meluaskan minda dan pemikiran terhadap kaedah yang sistematik dalam menyelamatkan diri dan mencegah risiko kebakaran

## PERLAKSANAAN

6 Januari 2020
IPD Putrajaya

# MAJLIS PERMUAFAKATAN KPM & PDRM SEMPENA PROGRAM "JOM KE SEKOLAH" PUTRAJAYA TAHUN 2020



## IPD PUTRAJAYA






## LATAR BELAKANG PROGRAM

Program ini merupakan salah satu usaha untuk menggalakkan murid datang belajar ke sekolah dan menjalin kerjasama antara PDRM bersama pihak sekolah untuk mencegah kegiatan jenayah dan tingkah laku tidak bermoral dalam kalangan murid-murid.

## OBJEKTIF PROGRAM

Meningkatkan peratus kehadiran dengan menggelakkan murid-murid daripada kes ponteng serta mencegah murid daripada terlibat dengan kegiatan jenayah dan tingkah laku tidak bermoral di dalam dan luar sekolah.

## PERLAKSANAAN

17 Januari 2020
SMKPP 11(2) Putrajaya

# SANTAI PRIHATIN MPP SUB ZON 3 BERSAMA PEMIMPIN KOMUNITI DAN KPD PUTRAJAYA



## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Majlis ini diadakan sebagai sesi suai kenal dalam kalangan pemimpin komuniti dan KPD Putrajaya selain mewujudkan kerjasama dan hubungan baik di antara pihak Polis dan komuniti.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Sesi suai kenal antara pimpinan PDRM IPD Putrajaya bersama komuniti.
- Mewujudkan kerjasama dan hubungan baik di antara pihak Polis dan masyarakat serta dapat berkongsi apa-apa aduan, permasalahan, maklumat serta khidmat rundingan daripada pihak PDRM.
- Pelancaran talian aduan SUB Zone 3 dan pasukan Wira Bola SUB Zone 3.

## PERLAKSANAAN

22 Julai 2020
Dewan Serbaguna P8, Putrajaya

# BICARA SANTAI BERSAMA KOMUNITI OLEH USTAZ SYAMSUL DEBAT




## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Ceramah agama ini dilaksanakan untuk memupuk budaya mencari ilmu agama di kalangan warga IPD Putrajaya serta komuniti sekitar Putrajaya. Ceramah disampaikan oleh Ustaz Syamsul Debat dan tajuk ceramah yang disampaikan adalah berkaitan "Covid-19, Hikmat atau Musibah".

## OBJEKTIF PROGRAM

Memantapkan keberkesanan aktiviti dakwah kepada warga PDRM dan penduduk Putrajaya dalam menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dan integriti dalam perkhidmatan awam melalui ceramah agama Islam.

## PERLAKSANAAN

24 Julai 2020
IPD Putrajaya

# PROGRAM RAMAH MESRA KPD PUTRAJAYA BERSAMA PERSATUAN PENDUDUK D' MUTIARA



## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk Ketua Polis Daerah Putrajaya bersuai kenal bersama penduduk, selain dapat berkongsi perkara berkaitan dengan jenayah dan keselamatan kejiranan di sekitar kawasan perumahan D' Mutiara, Presint 16.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Sesi suai kenal antara pimpinan PDRM IPD Putrajaya bersama komuniti.
- Mewujudkan kerjasama dan hubungan baik di antara pihak Polis dan masyarakat serta dapat berkongsi apa-apa aduan, permasalahan, maklumat serta khidmat rundingan daripada pihak PDRM.

## PERLAKSANAAN

15 Ogos 2020
D' MUTIARA, Presint 16, Putrajaya

# KAYUHAN MERDEKA NORMA BAHARU COVID 19 BERSAMA KETUA POLIS KL




## IPD PUTRAJAYA

## LATAR BELAKANG PROGRAM

Program Kayuhan Merdeka Norma Baharu Covid-19 bersama Ketua Polis Kuala Lumpur yang dilaksanakan bertujuan agar semua peserta mendapat manfaat khususnya dari segi kesihatan fizikal dan mental, semangat kerjasama serta membina nilai-nilai positif dalam diri sendiri.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Menyemarakkan lagi semangat patriotik sempena bulan kemerdekaan.
- Membudayakan gaya hidup sihat khasnya aktiviti kayuhan basikal yang popular pada masa ini serta meningkatkan kesukanan dalam diri.
- Program yang melibatkan warga PDRM dan Komuniti secara tidak langsung merapatkan hubungan silaturahim dikalangan peserta kayuhan.
- Program kayuhan secara santai juga bertujuan untuk mendekati para pengunjung di Putrajaya khasnya pengunjung di Dataran Putra.





## PERLAKSANAAN

23 Ogos 2020
Pangkalan Polis Marin, Presint 8, Putrajaya

# TAKLIMAT KESEDARAN HIV/AIDS/STI




## IPD PUTRAJAYA








## LATAR BELAKANG PROGRAM

Taklimat berkenaan penyakit HIV, AIDS dan STI bertujuan untuk memberi pengetahuan tentang bahaya penyakit tersebut serta langkah-langkah pencegahannya.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi pemahaman kepada warga IPD Putrajaya tentang bahaya HIV, AIDS dan STI
- Memberi kesedaran supaya menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang membawa kepada penyakit HIV, AIDS dan STI

## PERLAKSANAAN

08 SEPT 2020
IPD PUTRAJAYA

# SIDANG MEDIA ADVOKASI BASIKAL IPD PUTRAJAYA



## IPD PUTRAJAYA






## LATAR BELAKANG PROGRAM

Sidang Media Advokasi Basikal IPD Putrajaya telah dilaksanakan di Dataran Putra oleh KPD Putrajaya ACP Hj. Mohd Fadzil bin Ali.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi kesedaran / kefahaman tentang peraturan dan undang² lalulintas serta penguatkuasaan trafik terutama pengguna basikal.
- Menekankan pentingnya mematuhi peraturan lalulintas semasa menggunakan basikal terutama penggunaan brek dan loceng basikal, helmet dan aksesori tambahan bagi tujuan keselamatan.

## PERLAKSANAAN

2 Januari 2021
Dataran Putrajaya

# OP SIKAL IPD PUTRAJAYA



## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

IPD Putrajaya telah menjalankan OP Sikal berikutan peningkatan penggunaan basikal khususnya untuk tujuan riadah. Operasi ini dijalankan untuk mengingatkan dan menasihati pengguna basikal agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas demi menjaga keselamatan diri dan orang lain.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi kesedaran / kefahaman tentang peraturan dan undang$^2$ lalulintas serta penguatkuasaan trafik terutama pengguna basikal.
- Menekankan pentingnya mematuhi peraturan lalulintas semasa menggunakan basikal terutama kewajiban menggunakan topi keledar bagi tujuan keselamatan.

## PERLAKSANAAN

10 Januari 2021
Centre , Perdana Walk dan Bulatan Putrajaya

# AKTIVITI DISINFEKSI SUKARELA SEMPENA KEMPEN JOM CEGAH COVID 19 DI IPD PUTRAJAYA




## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Aktiviti Disenfeksi yang melibatkan sebanyak 275 buah Balai Polis di Sekitar Kuala Lumpur dan Selangor dilihat sebagai medium pendidikan kepada masyarakat bagi menyedari kepentingan pelaksanaan sanitasi dalam usaha membendung penularan wabak Covid-19.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Aktiviti dijalankan bagi membantu pengekangan penularan wabak Covid-19
- Memastikan sanitasi awam yang dilaksanakan memberi impak positif kepada orang awam

## PERLAKSANAAN

20 Januari 2022
IPD Putrajaya

# SUMBANGAN MAKANAN UNTUK PETUGAS SJR OP COVID IPD PUTRAJAYA




## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Program ini dijalankan sebagai penghargaan kepada PDRM khususnya petugas SJK operasi Covid-19 IPD Putrajaya yang telah bertugas sepanjang PKP dikuatkuasakan.

## OBJEKTIF PROGRAM

Sumbangan Makanan Untuk Petugas SJR Covid 19

## PERLAKSANAAN

17 Februari 2022
IPD Putrajaya

# GOTONG ROYONG BERSAMA PERSATUAN PENDUDUK PRESINT 12



## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Majlis ini diadakan sebagai sesi suai kenal dalam kalangan komuniti dan PDRM selain mewujudkan kerjasama dan hubungan baik di antara pihak Polis dan komuniti serta sebagai salah satu cara untuk memupuk budaya mencintai alam sekitar.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Mewujudkan kerjasama dan hubungan baik di antara pihak Polis dan masyarakat melalui aktiviti gotong royong
- Menyemai budaya penjagaan alam sekitar dan kebersihan dalam masyarakat

## PERLAKSANAAN

6 Mac 2022
Presint 12 Putrajaya

# LAWATAN PEMANTAUAN PEMATUHAN SOP PPN FASA 3 DI PUSAT BELI BELAH ALAMANDA PUTRAJAYA

IPD PUTRAJAYA








## LATAR BELAKANG PROGRAM

Lawatan pemantauan pematuhan SOP di Kompleks Alamanda oleh KPD Putrajaya bertujuan untuk mengenalpasti cara pengoperasian Pusat Beli-belah Alamanda sepanjang tempoh PPN Fasa 3 dilaksanakan.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Memastikan setiap pemilik dan pelanggan premis mengikut SOP yang ditetapkan
- Meningkatkan kesedaran orang ramai untuk terus mengamalkan amalan norma baharu bagi membendung wabak Covid-19

## PERLAKSANAAN

13 Oktober 2021
Kompleks Alamanda Putrajaya

# PEMANTAUAN PEMATUHAN SOP



## IPD PUTRAJAYA






## LATAR BELAKANG PROGRAM

Team pematuhan SOP IPD Putrajaya melaksanakan pemantauan pematuhan SOP di kawasan tumpuan orang ramai sekitar Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Memastikan kepatuhan SOP di kawasan tumpuan orang ramai.
- Memberikan nasihat dan teguran untuk meningkatkan kesedaran orang ramai agar terus mengamalkan amalan norma baharu bagi membendung wabak Covid-19

## PERLAKSANAAN

17 Oktober 2021
Sekitar Putrajaya

# PERJUMPAAN BERSAMA KRT FASA 11, PRESINT 9 DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN 'OP BANTU'



## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk Ketua Polis Daerah Putrajaya bersuai kenal bersama penduduk, selain dapat berkongsi perkara berkaitan dengan jenayah dan keselamatan kejiranan di sekitar kawasan perumahan Apartment Fasa 11, Presint 9. Beliau turut berkongsi idea dan pengalaman dalam memastikan tahap keselamatan komuniti sentiasa berasa dalam keadaan aman dan tenteram.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Sesi suai kenal antara pimpinan PDRM IPD Putrajaya bersama komuniti.
- Mewujudkan kerjasama dan hubungan baik di antara pihak Polis dan masyarakat serta dapat berkongsi apa-apa aduan, permasalahan, maklumat serta khidmat rundingan daripada pihak PDRM.
- Pemberian sumbangan kotak bantuan 'OP BANTU' kepada penduduk terjejas akibat pandemic Covid-19

## PERLAKSANAAN

28 Oktober 2021. KRT Fasa 11, Presint 9, Putrajaya

# OPERASI KHAS (BERSEPADU) PELBAGAI KESALAHAN SEMPENA MUSIM PERAYAAN



IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Operasi Khas (Bersepadu) telah diaksanakan oleh IPD Putrajaya bersama Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ)

## OBJEKTIF PROGRAM

Operasi ini bertujuan untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan jalan raya di samping mengesan semua jenis kesalahan berkaitan kenderaan juga bagi mengesan individu yang dikehendaki dan mempunyai waran tangkap serta penyalah gunaan dadah.

## PERLAKSANAAN

3 November 2021
Sekitar Putrajaya

# CERAMAH KESEDARAN JENAYAH KOMERSIL




## IPD PUTRAJAYA

## LATAR BELAKANG PROGRAM

Ceramah oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersil IPD Putrajaya diadakan di Tabika Perpaduan Presint 14, Putrajaya. Ceramah telah disampaikan oleh Insp. Dominic Ngalang Anak Ngabong - Pegawai Risikan dan Operasi Bahagian Siasatan Jenayah Komersil (BSJKD) IPD Putrajaya dan tajuk ceramah yang disampaikan adalah 'Kesedaran Jenayah Komersil Kesejahteraan Komuniti'.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Menyampaikan maklumat dan memberi kesedaran tentang kejadian jenayah komersil serta langkah-langkah pencegahannya bagi mengelakkan lebih ramai menjadi mangsa.
- Menggalakkan penyaluran maklumat oleh orang awam kepada PDRM agar kejadian penipuan dalam talian ini dapat di banteras.

## PERLAKSANAAN

18 November 2021
Tadika Perpaduan Presint 14, Putrajaya







# OPERASI HALANGAN LALULINTAS

## IPD PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Operasi halangan lalu lintas oleh Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya (PPJ) bersama Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (BSPT) IPD Putrajaya telah dijalankan di sekitar daerah Putrajaya

## OBJEKTIF PROGRAM

Operasi Halangan Lalulintas dijalankan bertujuan mengesan kenderaan yang diletakkan di bahu jalan sehingga menyebabkan halangan lalu lintas

## PERLAKSANAAN

25 November 2021
Sekitar Putrajaya



PELAPORAN
PROGRAM BANDAR SELAMAT
PUTRAJAYA

# PENGUATKUASA PERBADANAN PUTRAJAYA



# OPERASI BERSEPADU BERSAMA KKM, POLIS DAN KPDNHEP



## PENGUATKUASA PERBADANAN PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Program dilaksanakan dengan kerjasama KKM, Polis dan KPDNHEP susulan dari pendemik COVID-19.

## OBJEKTIF PROGRAM

Pemeriksaan kepada pemilik premis perniagaan terhadap S.O.P COVID-19.

## PERLAKSANAAN

26 Mei 2020
Sekitar Putrajaya – Premis Perniagaan dan Medan Selera

# OPERASI BERSEPADU PEMATUHAN SOP 3.0




## PENGUATKUASA PERBADANAN PUTRAJAYA







## LATAR BELAKANG PROGRAM

Susulan dari peningkatan kes COVID-19 di tapak pembinaan satu inisiatif diambil oleh Bahagian Penguatkuasa PPJ dengan kerjasama PDRM menjalankan OPS SEPADU PEMATUHAN S.O.P 3.0.

## OBJEKTIF PROGRAM

Program memastikan setiap tapak binaan di Putrajaya mematuhi SOP COVID-19 yang telah ditetapkan.

## PERLAKSANAAN

21 Julai 2021
Tapak Pembinaan Sekitar Putrajaya

# OPERASI PATUH S.O.P COVID 19 PELAN PEMULIAN NEGARA FASA 4, PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2021



## PENGUATKUASA PERBADANAN PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Bahagian Penguatkuasa PPJ dengan kerjasama KKM telah mengambil langkah proaktif melalui perlaksanaan OPS PATUH S.O.P COVID-19 di pejabat kerajaan dan medan selera selaras dengan Pelan Pemulihan Negara Fasa 4.

## OBJEKTIF PROGRAM

Bagi Mengawal Penularan COVID-19 operasi ini dilaksanakan dengan membuat pemeriksaan status vaksinasi MySejahtera kakitangan kerajaan yang terlibat serta juga pengusaha medan selera.

## PERLAKSANAAN

9 September 2021
Pejabat Kerajaan dan Medan Selera

# OPERASI UNIT TRAFIK, BAHAGIAN PENGUATKUASAAN PERBADANAN PUTRAJAYA



## PENGUATKUASA PERBADANAN PUTRAJAYA







## LATAR BELAKANG PROGRAM

Selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 - Seksyen 48(2). Bahagian Penguatkuasa sentiasa menjalankan Operasi Apitan dibawah Kenderaan Unit Trafik.

## OBJEKTIF PROGRAM

Bagi memastikan undang-undang yang dikuatkuasa dipatuhi oleh orang awam.

## PERLAKSANAAN

Sepanjang Tahun di Presint 2, 3

# OPERASI UNIT TRAFIK, BAHAGIAN PENGUATKUASAAN PERBADANAN PUTRAJAYA



## PENGUATKUASA PERBADANAN PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 Seksyen 48(2), Operasi Tundaan Kenderaan sentiasa dijalankan oleh Unit Trafik Bahagian Penguatkuasa JPJ.

## OBJEKTIF PROGRAM

Bagi memastikan undang-undang yang dikuatkuasa dipatuhi oleh orang awam.

## PERLAKSANAAN

Sepanjang Tahun di Presint 2, 3, 4, 5

02

# REKA BENTUK PERSEKITARAN BANDAR DAN PERANCANGAN



PELAPORAN
PROGRAM BANDAR SELAMAT
PUTRAJAYA

# PERBADANAN PUTRAJAYA



# PROGRAM BICARA BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2020




## PERBADANAN PUTRAJAYA

## LATAR BELAKANG PROGRAM

Salah satu dari tiga topik yang dibincangkan di dalam program Siri Bicara Bandar Selamat Putrajaya. Program Bicara (Webinar) ini dijalankan secara atas talian bagi tujuan memberi maklumat kepada komuniti Putrajaya berkaitan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

## OBJEKTIF PROGRAM

Menyampaikan maklumat dan tindakan yang perlu dipatuhi oleh orang awam sepanjang tempoh PKP.

## PERLAKSANAAN

6 Mei 2020 secara atas talian.

# PROGRAM BICARA BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2020

PERBADANAN PUTRAJAYA




## LATAR BELAKANG PROGRAM

Salah satu dari tiga topik yang dibincangkan di dalam program Siri Bicara Bandar Selamat Putrajaya. Program Bicara (Webinar) ini dijalankan secara atas talian bagi tujuan memberi maklumat kepada komuniti Putrajaya berkaitan situasi semasa Covid-19 di Putrajaya dan langkah-langkah penjagaan diri sepanjang tempoh arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

## OBJEKTIF PROGRAM

Menyampaikan maklumat dan Tips Penjagaan Diri yang boleh diamalkan oleh orang awam sepanjang tempoh PKP.

## PERLAKSANAAN

12 Mei 2020 secara atas talian

# PROGRAM BICARA BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2020

PERBADANAN PUTRAJAYA




## LATAR BELAKANG PROGRAM

Salah satu dari tiga topik yang dibincangkan di dalam program Siri Bicara Bandar Selamat Putrajaya. Program Bicara (Webinar) ini dijalankan secara atas talian bagi tujuan memberi maklumat kepada komuniti Putrajaya berkaitan situasi semasa Covid-19 di Putrajaya dan langkah-langkah penjagaan diri sepanjang tempoh arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

## OBJEKTIF PROGRAM

Menyampaikan maklumat dan Tips Penjagaan Diri yang boleh diamalkan oleh orang awam sepanjang tempoh PKP.

## PERLAKSANAAN

12 Mei 2020 secara atas talian

# TAKLIMAT SITUASI SEMASA PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) PERINGKAT WP PUTRAJAYA




PERBADANAN PUTRAJAYA



## LATAR BELAKANG PROGRAM

Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Pejabat Kesihatan menganjurkan Taklimat berkaitan Situasi Semasa Covid-19 di Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

Menyampaikan maklumat berkaitan situasi semasa Covid-19 kepada kakitangan PPj, komuniti Putrajaya, sekolah dan Ahli Jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya.

## PERLAKSANAAN

11 Mac 2020
Dewan Seri Melati Perbadanan Putrajaya

# SUMBANGAN KUIH RAYA KEPADA PIHAK BARISAN HADAPAN




PERBADANAN PUTRAJAYA

## LATAR BELAKANG PROGRAM

Sumbangan Kuih Raya daripada Jawatankuasa Bandar Selamat Putrajaya kepada barisan hadapan yang terdiri daripada IPD Putrajaya, ATM, Bomba Hospital Putrajaya, Pejabat Kesihatan Putrajaya, APM dan RELA .

## OBJEKTIF PROGRAM

Sebagai tanda penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang terlibat dalam membantu usaha menangani wabak Covid-19.

## PERLAKSANAAN

19 Mei 2020
Gerbang Kompleks Perbadanan Putrajaya

# PENYEDIAAN PONDOK GAZEBO BAGI TUJUAN AKTIVITI SRS/ KRT



PERBADANAN PUTRAJAYA



## LATAR BELAKANG PROGRAM

Salah satu inisiatif di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya bagi menyokong aktiviti SRS/KRT dalam mengurangkan kadar jenayah dan kecurian harta benda di kawasan kediaman.

## OBJEKTIF PROGRAM

Sebagai satu kemudahan kepada SRS/KRT dalam mengawasi keselamatan terutama pada waktu malam bagi membendung kes kecurian harta benda dan pecah rumah di kawasan kediaman.

## PERLAKSANAAN

Siap dilaksanakan pada Ogos 2020
- KRT Komuniti P14G, Presint 14
- KRT Komuniti Apartment Presint 16

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



## PERBADANAN PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Keperluan Pencahayaan di Sekitar Kawasan Kolam Tadahan Presint 9 Bagi Pengurangkan Isu Khalwat dan Kejadian Jenayah

## OBJEKTIF PROGRAM

Penambahbaikan Pencahayaan Kolam Tadahan Presint 9

## PERLAKSANAAN

17 Jun 2020
Kolam Tadahan Jalan P9b Presint 9

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA




## PERBADANAN PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Pemasangan Papan Tanda Keselamatan di Kawasan Sekitar Presint 9b, Putrajaya Bagi Membolehkan Pihak Awam Menghubungi Pihak Ipd Putrajaya Sekiranya Berlakunya Situasi Kecemasan.

## OBJEKTIF PROGRAM

Pemasangan Papan Tanda Keselamatan Peringatan Jenayah Polis di Presint 9b, Presint 9:
1 Unit Single Side
1 Unit Double Side

## PERLAKSANAAN

30 September 2020
Kolam Tadahan Presint 9 dan Pusat Kejiran Presint 9B

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



## PERBADANAN PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

- Pemasangan Pagar Keselamatan (Jenis Anticlimb) Adalah Terletak di Kawasan Perumahan Jalan P9b, Presint 9, Putrajaya.
- Pemasangan Pagar Keselamatan Bertujuan Untuk Menutup Lorong-Lorong Tikus dan Mengelakkan Kejadian Jenayah Pecah Rumah.
- Panjang Pagar Keselamatan : 320 Meter Panjang (Jenis Anticlimb) dan 1.5 Meter Tinggi.

## OBJEKTIF PROGRAM

Pemasangan Pagar Keselamatan di Kawasan Perumahan Jalan P9b, Presint 9 Putrajaya

## PERLAKSANAAN

30 Disember 2020
Kawasan Perumahan di Jalan 1/2 P9b, Presint 9 Putrajaya

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



## PERBADANAN PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Keperluan Pencahayaan di Sekitar Bagi Pengurangkan Isu Khalwat dan Rompak di Sekitar Sisiran Tasik di Putrajaya;

- 400 Unit Lampu Limpah Led (Sisiran Tasik Presint 8 )
- 67 Unit Lampu Limpah Led (Taman Botani)

## OBJEKTIF PROGRAM

Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Pencahayaan di Sisiran Tasik Putrajaya :

A. Sisiran Tasik Taman Botani Presint 1
B. Sisiran Tasik Presint 8

## PERLAKSANAAN

13 November 2020

- Istana Darul Ehsan – Yayasan Kepimpinan Perdana - Penukaran Lampu Led, Presint 8
- Taman Botani – Lampu Limpah Led

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA




PERBADANAN PUTRAJAYA



## LATAR BELAKANG PROGRAM

- Keperluan Pemasangan Pagar Penghadang Bagi Tujuan Keselamatan Bagi Pengguna Jalan Kaki
- Panjang Pagar Penghadang : 45 Meter Panjang

## OBJEKTIF PROGRAM

Pemasangan railing pemisahan laluan pejalan kaki dan kenderaan di hadapan bangunan perumahan jintan presint 16

## PERLAKSANAAN

30 Disember 2020, Jalan Kandis Presint 16

# PROGRAM BICARA BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2021




## PERTUBUHAN PENGAMAL PENCEGAHAN JENAYAH KUALA LUMPUR (KLCPPA)




## LATAR BELAKANG PROGRAM

Program Bicara Bandar Selamat Putrajaya Bagi Tahun 2021 dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur (KLCPPA), Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia (MCMC), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan IPD Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

Program kali ini membicarakan isu-isu kesedaran dan ancaman siber terutama dikalangan pelajar dan remaja. Taklimat ini memberi panduan dan memperkukuhkan pengetahuan remaja dan pelajar mengenai penjagaan diri dari aspek keselamatan dan gaya hidup sihat.

## PERLAKSANAAN

11 Jun 2021 secara atas talian.

# PROGRAM BICARA BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 2021




## PERTUBUHAN PENGAMAL PENCEGAHAN JENAYAH KUALA LUMPUR (KLCPPA)




## LATAR BELAKANG PROGRAM

Program Bicara Bandar Selamat Putrajaya Bagi Tahun 2021 dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur (KLCPPA), Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia (MCMC), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan IPD Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

Sesi perkongsian ilmu ini bertujuan untuk mengupas pelbagai isu berkaitan keganasan rumah tangga dan jenayah seksual dalam kalangan ahli keluarga. Setiap individu perlu mempunyai pengetahuan tentang keselamatan diri serta persekitaran, mempunyai ketahanan diri yang, sikap positif, mengamalkan nilai-nilai keagamaan, moral, budaya dan sosial yang murni.

## PERLAKSANAAN

12 Jun 2021 secara atas talian.

# CERAMAH (SIRI WEBINAR BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA: JOM AMBIL PEDULI)




## PERTUBUHAN PENGAMAL PENCEGAHAN JENAYAH KUALA LUMPUR (KLCPPA)




## LATAR BELAKANG PROGRAM

Program Bicara Bandar Selamat Putrajaya Bagi Tahun 2021 dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur (KLCPPA), Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia (MCMC), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan IPD Putrajaya

## OBJEKTIF PROGRAM

Sesi perkongsian ilmu ini bertujuan untuk mengupas pelbagai isu berkaitan keganasan rumah tangga dan jenayah seksual dalam kalangan ahli keluarga. Setiap individu perlu mempunyai pengetahuan tentang keselamatan diri serta persekitaran, mempunyai ketahanan diri yang, sikap positif, mengamalkan nilai-nilai keagamaan, moral, budaya dan sosial yang murni.

## PERLAKSANAAN

13 Jun 2021 (Ahad), Webinar (Dipancarkan melalui Facebook Perbadanan Putrajaya)

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



## PERBADANAN PUTRAJAYA



## LATAR BELAKANG PROGRAM

Lawatan tapak bersama pihak :
- IPD Putrajaya
- MPPPWP Sub Zon Presint 9B
- Penguatkuasa PPj
- Jabatan Kejuruteraan PPj
- Urus setia Bandar Selamat

## OBJEKTIF PROGRAM

Melawat tapak bersama agensi bagi memantau kerosakkan pagar penambahan pintu pagar tanpa kebenaran, mencabut skru di tiang pagar dan memotong bahagian bawah pagar.

## PERLAKSANAAN

13 November 2020, Perumahan Jalan Rajawali Presint 9B Putrjaya

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



PERBADANAN PUTRAJAYA



## LATAR BELAKANG PROGRAM

Projek fizikal di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya iaitu Pemasangan Pagar Keselamatan Kawasan Kediaman Presint 9G, Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

Salah satu langkah di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya bagi mencegah kes pecah rumah di kawasan kediaman.

## PERLAKSANAAN

Siap di laksanakan pada bulan Februari 2021

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



## PERBADANAN PUTRAJAYA



## LATAR BELAKANG PROGRAM

Projek fizikal di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya iaitu Pemasangan Guard Rail bagi menutup laluan lorong tikus dan juga mencegah kes jenayah pecah rumah di Kediaman Presint 12, Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

Salah satu langkah di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya bagi mencegah kes pecah rumah di kawasan kediaman.

## PERLAKSANAAN

Siap dilaksanakan pada bulan Jun 2021

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA

PERBADANAN PUTRAJAYA









## LATAR BELAKANG PROGRAM

Projek fizikal di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya iaitu Pemasangan Cermin Keselamatan dan Pemasangan Papan Tanda Keselamatan di PPAM Saderi, Presint 16 Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

Salah satu langkah di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya bagi mencegah kes jenayah harta benda dan Keselamatan Laluan Lintas di dalam kawasan kediaman.

## PERLAKSANAAN

Siap di laksanakan pada bulan Julai 2021

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



PERBADANAN PUTRAJAYA



## LATAR BELAKANG PROGRAM

Projek fizikal di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya iaitu Pembaikan Pagar Keselamatan Sedia ada di Kawasan Kejiranan P11K, Presint 11 Putrajaya.

## OBJEKTIF PROGRAM

Salah satu langkah di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya bagi meningkatkan Keselamatan kawasan kediaman.

## PERLAKSANAAN

Siap di laksanakan pada bulan Ogos 2021.

# PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA



## PERBADANAN PUTRAJAYA




## LATAR BELAKANG PROGRAM

Projek fizikal di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya iaitu Penambahbaikan Pencahayaan Di Kawasan Sisiran Tasik Presint 8, Putrajaya bagi tujuan keselamatan pejalan kaki dan basikal.

## OBJEKTIF PROGRAM

Salah satu langkah di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya iaitu pencahayaan bagi meningkatkan Keselamatan di kawasan awam.

## PERLAKSANAAN

Siap pada bulan November 2021

# PENYEDIAAN PONDOK GAZEBO BAGI TUJUAN AKTIVITI SRS/ KRT



PERBADANAN PUTRAJAYA



## LATAR BELAKANG PROGRAM

Salah satu inisiatif di bawah Program Bandar Selamat Putrajaya bagi menyokong aktiviti SRS/KRT dalam mengurangkan kadar jenayah dan kecurian harta benda di kawasan kediaman.

## OBJEKTIF PROGRAM

Sebagai satu kemudahan kepada SRS/KRT dalam mengawasi keselamatan terutama pada waktu malam bagi membendung kes kecurian harta benda dan pecah rumah di kawasan kediaman.

## PERLAKSANAAN

7 MEI 2021
(PPAM) SERULING PRESINT 5, PUTRAJAYA
(PPAM) MELINJAU PRESINT 11, PUTRAJAYA

PELAPORAN
PROGRAM BANDAR SELAMAT
PUTRAJAYA

# JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT PUTRAJAYA



# KURSUS ASAS KESELAMATAN KEBAKARAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)



## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Kesedaran dan Keselamatan Kebakaran

## OBJEKTIF PROGRAM

Memberi maklumat dan pendedahan serta teknik yang berkesan kepada pekerja apabila berlaku kecemasan di tempat kerja.

## PERLAKSANAAN

22 hingga 24 Julai 2020
Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Presint 7



# TAKLIMAT KESELAMATAN DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN SEMPENA MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SPRM TAHUN 2020

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Kesedaran dan Keselamatan Kebakaran

## OBJEKTIF PROGRAM

Mempertingkatkan pengetahuan dan pengalaman sebenar di situasi kebakaran.Peserta kursus juga di dedahkan tatacara menggunakan alat pemadam api dan penyelamatan mangsa.

## PERLAKSANAAN

9 hingga 10 September 2020
- Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Presint 7



# KURSUS PASUKAN KESELAMATAN KEBAKARAN

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Kesedaran dan Keselamatan Kebakaran

## OBJEKTIF PROGRAM

Memberi maklumat dan pendedahan serta teknik yang berkesan kepada pekerja apabila berlaku kecemasan di tempat kerja.

## PERLAKSANAAN

15 dan 16 November 2021
Dewan Damar Sari 3,Blok F8 Parcel F

# LATIHAN PENGENDALIAN ALAT PEMADAM API BAGI PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2021



## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT PUTRAJAYA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

Kesedaran dan Keselamatan Kebakaran

## OBJEKTIF PROGRAM

Mempertingkatkan pengetahuan dan pengalaman sebenar di situasi kebakaran.Peserta kursus juga di dedahkan tatacara menggunakan alat pemadam api dan penyelamatan mangsa.

## PERLAKSANAAN

12 & 13 Oktober 2021
Dataran Kompleks C



# LATIHAN KEBAKARAN (FIRE DRILL)

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT PUTRAJAYA






## LATAR BELAKANG PROGRAM

Latihan Kebakaran (Fire Drill)

## OBJEKTIF PROGRAM

Mendedahkan peserta jawatankuasa pasukan keselamatan kebakaran yang dilantik dan diberikan latihan secukupnya. Memberi peranan berhubung tindakan yang perlu di ambil oleh penghuni bangunan dan memaparkan pelan tindakan.

## PERLAKSANAAN

22 Disember 2021
Bangunan Suasana PjH

03

# PENCEGAHAN GEJALA SOSIAL DAN PENDIDIKAN KESEDARAN AWAM



PELAPORAN
PROGRAM BANDAR SELAMAT
PUTRAJAYA

# JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA



# OPS KUTIP












## JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA





## LATAR BELAKANG PROGRAM

